

## BAB 4 SISTEM NILAI

### 4.0 PENGENALAN

Sistem nilai bersandar erat dengan pandangan dunia atau 'world view'<sup>15</sup> suatu kelompok masyarakat. Sistem nilai merupakan 'paradigm' atau rangka fikiran kepada seseorang individu mahupun sekelompok masyarakat. Ia membolehkan pembentukan pola-pola perlakuan yang seragam dalam masyarakat. Perlakuan dan sikap yang ditunjukkan oleh seseorang individu secara tidak langsung menunjukkan nilainya yang terselindung. Robert Redfield (1962:99) menjelaskan bahawa,

"a value is a conception, explicit or implicit, distinctive of an individual or characteristic of a group, of the desirable which influences the selection from available modes, means and end of action."

Dengan erti kata yang lain, Redfield telah menunjukkan bahawa sistem nilai dapat membezakan seseorang daripada orang yang lain dan seterusnya membentuk sekelompok masyarakat yang berbeza dengan kelompok masyarakat yang lain. Perbezaan antara satu sama lain adalah berlandaskan

---

15 'World-view' adalah konsep interpretasi terhadap alam, masa, ruang, kejadian, penyakit dan sebagainya. Ia merupakan sistem idea yang meliputi ilmu pengetahuan dan kepercayaan tentang alam sekeliling.

kepada pemilihan pola-pola perlakuan seperti norma, 'mores' dan 'folkways' yang berlainan. Ketiga-tiga norma, 'mores' dan 'folkways' berkait rapat dengan sistem nilai individu ataupun masyarakat. Norma ialah perlakuan yang dijangkakan dan perlanggaran terhadapnya akan dikenakan hukuman yang berat. Kemestian mengikut perlakuan dan adat yang ditekankan dikenali sebagai 'mores'. 'Folkways' pula merupakan perlakuan berdasarkan adat hasil dari segi pemikiran yang betul. Apabila seseorang berusaha menjalankan adat yang diwariskan dari nenek moyang dalam suatu kelompok masyarakat, akan terbinanya sistem nilai yang sama di kalangan ahli masyarakat itu. Dengan itu, pola-pola tingkah laku mereka akan mempunyai suatu sistem nilai yang umum.

Oleh yang demikian, kestabilan dan perubahan sosial memperlihatkan sistem nilai masyarakat berkenaan. Setiap tindakan yang dilakukan oleh ahli masyarakat menunjukkan penilaian dan sistem nilainya. Seseorang hanya akan bertindak dalam perspektif tertentu apabila dia dirangsang oleh penilaiannya yang mempunyai matlamat tertentu. Maka sistem nilai berupaya memberi klasifikasi kepada setiap tindakan individu (Firth, 1964:221).

Selain dari itu, pembentukan sistem nilai menjadi unsur penting dalam mengkaji masyarakat. Sistem nilai seseorang bermula sejak dia mengenali persekitarannya. Pengalaman dan pengetahuan dipelajari dan menjadi motivasi yang abadi kepada diri seseorang. Aspek tersebut terlibat dengan

masyarakat di sekeliling yang mempengaruhi seseorang dalam tahap pembelajarannya. Sistem nilai yang positif atau negatif akan tertimbul. Seseorang individu mematuhi nilai-nilai positif yang ditetapkan oleh masyarakat dan nilai-nilai negatif merupakan tekanan atau larangan dari masyarakat kepada individu.

Sistem nilai merupakan sebahagian daripada sains semulajadi masyarakat (Firth, 1964:209). Ia mempunyai unsur-unsur kompleks yang hanya dapat dijelaskan dengan menganalisa aspek-aspek tertentu dalam masyarakat. Dengan itu, sistem nilai masyarakat yang dikaji akan diteliti melalui imej Batin dan konsep 'sharing'. Kedua-dua elemen tersebut memainkan peranan yang penting di kalangan masyarakat tradisional. Namun, keduanya paling nyata dipengaruhi selepas 'diserang' oleh unsur-unsur perubahan dan pemodenan.

#### **4.1 IMEJ BATIN**


Batin atau dalam panggilan masyarakat Semai sebagai Tok Batin merupakan ketua di satu-satu perkampungan yang besar atau kecil. Peranannya bagai seorang penghulu di kampung-kampung masyarakat keturunan Melayu. Secara praktik, beliau berkuasa dalam masyarakat tetapi dari segi teori, beliau tidak mempunyai kuasa pada masa lampau dan keadaan sebaliknya untuk masa kini. Kedudukan tersebut dirujuk kepada struktur kepimpinan mereka.

Dalam struktur kepimpinan masyarakat Semai, 'Tok Raje'

merupakan ketua yang paling berpengaruh. Beliau dipilih oleh ahli masyarakat dalam satu petempatan yang merangkumi beberapa kampung. 'Tok Menterik' menduduki hirarki kedua juga dipilih antara beberapa kampung dari puak yang sama. Misalnya di Tanah Rata terdapat Kampung Sungai Ruil, Kampung Sungai Habu, Kampung Sungai Ulong dan Kampung Sungai Ubi, maka dari Tanah Rata akan dipilih 'Tok Raje' dan 'Tok Menterik' di kalangan penduduk-penduduk dari kampung-kampung di sekitar. Manakala 'Jurukerah', 'Tok Batin', dan 'Tandil' dipilih oleh penduduk dari perkampungan masing-masing.

(Sila lihat Rajah 4.1)

Rajah 4.1 : Struktur Kepimpinan Masyarakat Semai



Sumber : Achom\_Luji\_1984\_Simposium\_Pembangunan\_Dan\_Masa Depan\_Orang\_Aslи\_di\_Semenanjung\_Malaysia.

Walaupun 'Tok Raje' berkedudukan paling tinggi dan berkuasa, beliau tidak dapat memainkan peranan yang penting dalam lingkungan masyarakat. Begitu juga 'Tok Menterik'.

Kuasa 'Tok Raje' dan 'Tok Menterik' tidak dapat dilaksanakan kerana mereka terpisah dari masyarakat. Mereka tidak mempunyai perhubungan yang rapat dengan ahli masyarakat sebab mereka tidak mengenali hal-hal yang berkaitan dengan mereka. Mereka hanya mengurus perkara yang tidak dapat diuruskan oleh Tok Batin seperti perhubungan dengan suku bangsa lain.

Kuasa sebenar pentadbiran adalah ditangan Tok Batin. Beliau bertindak sebagai badan perhubungan dalam semua peristiwa yang berkenaan dengan ahli masyarakat suatu kampung. Kuasanya merangkumi segala persoalan adat seperti keizinan berkahwin dan bercerai, kematian dan segala kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam kampungnya. Perhubungan antara kampung dan penyelesaian masalah-masalah antara perkampungan juga ditangan Tok Batin. Beliau mempunyai pengaruh ke atas penduduknya.

Tok Batin dipilih atas budi bicara penduduk tempatan atau masyarakat perkampungan yang beliau berada. Kelayakan utama ialah pengetahuan seseorang mengenai selok-belok adat resam, kefahaman kepercayaan yang diturun-temurunkan dan mempunyai budi pekerti yang mulia. Pemilihan Tok Batin jarang dilakukan kerana ia diwariskan dari satu generasi ke satu generasi. Pegangan jawatan Tok Batin tidak mempunyai tempoh yang dihadkan. Jawatannya dipegang sehingga beliau meninggal dunia dan digantikan dengan anak lelaki sulungnya. Pemilihan semula hanya akan berlaku jika tidak ada warisan. Tradisi tersebut masih dilanjutkan. Tok Batin di kawasan

kajian merupakan generasi ketiga yang diturunkan daripada Batin Tok Muda (1940 - 1950an) kepada Batin Dollah (1950an - 1988) dan kini Batin Zainal (1988 - ). Batin Dollah telah memegang jawatgan kira-kira selama 40 tahun.

Kepimpinan Tok Batin tidak dapat dihapuskan walaupun terdapat perubahan dalam masyarakat. Tok Batin masih dihormati dan masih berfungsi dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat resam. Beliau masih berperanan sebagai hakim dalam kesalahan-kesalahan kecil seperti perselisihan dan pergaduhan antara anak buahnya. Namun, imejnya telah semakin luntur.

Kini pengesahan sebagai Tok Batin adalah berdasarkan surat tauliah yang diberi oleh kerajaan. Batin-batin dikategorikan mengikut kepadatan penduduk di perkampungannya. Kadar bonus yang diperuntukkan juga berdasarkan ciri tersebut. Jadual 4.1 di sebelah menunjukkan kriteria jawatan Batin dan kadar bonus yang diterima. Kategori A merupakan perkampungan yang mempunyai lebih dari seribu (1000) orang penduduk. Batin menerima sembilan ratus ringgit (\$900.00). Di bawah Kategori B yang terdiri dari penduduk seramai lima ratus hingga seribu orang (500 - 1000), Batin di sini akan mendapat tujuh ratus dan lima puluh ringgit (\$750.00) setahun. Batin yang memperolehi bonus enam ratus ringgit (\$600.00) merupakan Batin yang mentadbir kawasan yang mempunyai kurang dari lima ratus penduduk (500).

Jadual 4.1 : Jawatan Batin (Dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1990).

Kategori	Kriteria	Bonus
A	Mempunyai 1000 atau lebih orang penduduk	\$900.00
B	Mempunyai 500 - 1000 orang penduduk	\$750.00
C	Mempunyai kurang dari 500 orang penduduk	\$600.00

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kuala Lumpur

Pengenalan pemberian surat tauliah dan bonus melahirkan kesan-kesan sampingan. Kuasa Batin berkurangan dari pentadbir kampung kepada orang tengah antara pihak berkuasa dan masyarakat. Pengaruhnya menjadi kurang aktif dan kurang berkesan di kalangan anak buahnya. Beliau kini mempunyai 'rested authority' (Colin, 1985:125) yang dihadkan kepada perkara-perkara yang berkait dengan adat resam dan kepercayaan sahaja. Kadar bonus yang akan diterima menyebabkan sumbangannya kepada masyarakat menyusut. Beliau tidak akan berusaha sedaya-upaya untuk menjalankan tugasnya supaya menerima hadiah-hadiah dari anak buahnya. Beliau ketika ini mempunyai kedudukan yang dikenalpasti oleh kerajaan.

Sebaliknya, Tok Batin perlu menjalankan tugas dengan berhati-hati kerana kuasa beliau disokong oleh pihak berkuasa. Dengan itu, beliau akan merasa dirinya

diambilberat oleh pihak berkuasa. Masyarakat akan lebih menghormati beliau sebagai orang penting yang boleh mendapatkan pertolongan.

Peranan Batin selaku orang tengah antara pihak berkuasa dan masyarakat adalah penting dan berfaedah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kuasanya berkurangan tetapi dalam mentadbir masyarakat yang semakin maju bukanlah senang kepada seorang Batin. Perubahan persekitaran membawa kepada kewujudan masalah yang lebih rumit. Masalah kini bukan sekadar melibatkan anak buah sendiri tetapi mungkin melibatkan masyarakat lain. Penyelesaian masalah yang lebih rumit memerlukan pengalaman dan pengetahuan yang lebih mendalam. Serentak itu, Batin memerlukan sokongan dari pegawai JHEOA apabila menjalankan tugasnya. Keadaan ini bukan disebabkan oleh pegawai JHEOA yang lebih pandai tetapi pertolongan sebenar cuma akan diperolehi daripada mereka. Misalnya kes di kawasan kajian, masyarakat di situ selalu berhubung dengan masyarakat keturunan Cina dan jika berlaku apa-apa perselisihan, masyarakat keturunan Cina hanya akan patuh kepada perintah pegawai JHEOA untuk pertolongan.

Kepimpinan Tok Batin masih wujud tetapi imejnya telah diganti dengan imej pegawai kerajaan. Dalam masyarakat yang moden sekarang melainkan Tok Batin mempunyai kebolehan yang sebenar, beliau tidak akan berupaya mentadbir ahli masyarakatnya seperti di kawasan kajian. Kalau Tok Batin ingin mengekalkan imejnya, pemilihan Batin perlu berdasarkan tahap pendidikan dan bukannya diturun-temurunkan. Tetapi

perkara ini bertentangan dengan nilai mereka. Namun demikian, pengaruh Batin dapat diabadikan selagi ahli masyarakat masih menghormati beliau. Sistem nilai yang unggul terhadap Batin dapat mengekalkan identiti mereka. Jawatan Batin juga boleh menjadi tempat membuktikan kecekapan masyarakat Orang Asli.

#### 4.2 Sistem `Sharing`

Sistem `sharing` yang diamalkan oleh masyarakat Semai mencerminkan perpaduan dalam masyarakat. Gomes (1986:204) membayangkan sistem `sharing` sebagai sebahagian daripada kehidupan harian. Beliau mengatakan bahawa sistem `sharing` ialah,

"system of multi-person reciprocity, backed  
by social and supernatural sanctions, no  
Semai would starve."

Pembahagian dan perkongsian membentuk cara hidup masyarakat dengan sikap tolong menolong. Ia juga membentuk sikap mendapat pembalasan daripada ahli masyarakat yang lain. Setiap ahli masyarakat perlu menurut sistem `sharing` yang memainkan peranan penting.

Sistem `sharing` merangkumi perlakuan bantu-membantu antara seorang individu dengan individu yang lain dalam masyarakat. Namun, dua ciri utamanya ialah perkongsian makanan (food sharing) dan perkongsian pekerjaan (work sharing) (Gomes, 1986:204).

Perkongsian makanan bermakna ahli masyarakat dari petempatan yang sama akan menikmati bersama-sama segala hasil luarbiasa. Masyarakat Semai pada asalnya tinggal dalam rumah panjang dengan beberapa keluarga yang lain. Suatu petempatan mungkin mempunyai beberapa buah rumah panjang sahaja. Ahli masyarakat berkenalan antara satu sama lain dan tindakan seseorang diketahui ramai. Sebagai contohnya, jika seseorang hendak memburu, dia akan pergi bersama dengan ahli keluarga atau kawannya dari rumah panjang yang sama atau jiran. Kalau mereka berhasil hari itu, hasilnya diletak ditengah-tengah kampung dan dibahagikan antara ahli masyarakat seluruh kampung. Setiap orang mendapat bahagian yang sama termasuk pemburu itu. Cuma Tok Batin yang memerhatikan peristiwa itu memperolehi bahagian yang lebih besar (Gomes, 1986:204 - 206).

Perkongsian pekerjaan ialah sifat gotong-royong. Jikalau hendak membina sebuah rumah, golongan lelaki akan membinaanya dan golongan perempuan pula mengutip buluh dan kayu. Kerja-kerja seperti mengutip buah dan hasil makanan dari hutan juga dilakukan bersama-sama.

Perkongsian makanan dan perkongsian pekerjaan lebih mengutamakan ikatan persaudaraan jika dibandingkan dengan ikatan persahabatan di antara satu sama lain. Dalam perkampungan yang kecil tentunya terdiri daripada ahli keluarga tetapi masalah pengenalan akan wujud dalam perkampungan yang agak besar. Dengan itu, segala perkongsian akan didahului dengan saudara-mara kemudian kawan-kawan atau

jiran-jiran yang lain.


Sikap perkongsian mewujudkan keharmonian masyarakat. Sistem 'sharing' menentukan bahawa tidak terdapat ahli masyarakat yang mengalami kelaparan atau kesengsaraan. Kepercayaan 'Genhan' menguatkan lagi pengamalan sistem 'sharing'. 'Genhan' ialah akibat buruk daripada penentangan sistem 'sharing'. Ia bermaksud apabila kepuasan seseorang tidak dapat dipenuhi oleh satu pihak, pihak itu akan mendapat 'genhan'. Umpamanya jika seorang A memberitahu B bahawa dia telah lama tidak memakan daging burung, maka B harus cuba memuaskan keinginan A. Jika tidak, B akan diserang oleh kuasa luartiasa iaitu berlakunya 'genhan'. Kepercayaan tersebut telah mengekalkan sistem 'sharing' dikalangan masyarakat Semai tradisional.

Arus perubahan telah memusnahkan sistem yang murni ini. Selepas penceburan diri dalam sektor-sektor pekerjaan, sistem 'sharing' mula lenyap. Masyarakat yang tidak bergantung kepada hasil-hasil dari hutan dan kehidupan yang terjamin tentunya tidak memerlukan pertolongan orang lain. Di kawasan kajian, tempoh perubahan ialah tahun 1950an semenjak Orang Asli mula mendapat pekerjaan dengan gaji yang tetap. Masyarakat semakin kurang memburu. Jika memburu pun akan menjualkan hasil buruannya. Gomes (1989:209) mendapati pemburu pada akhir tahun 1970an mula menjualkan hasil pemburuan kepada penduduk sekampung ataupun penduduk dari kampung yang lain. Keperluan hidup yang semakin meningkat menghidarkan seseorang daripada memegang kepada sistem

sharing'.

Rancangan penempatan semula yang diadakan pada masa darurat (1946) dan diikuti oleh Rancangan Pengundulan Semula (1977) telah merengangkan perhubungan ahli masyarakat. Walaupun rancangan tersebut bertujuan menyerap dan memperkenalkan masyarakat Orang Asli kepada satu sistem ekonomi yang lebih baik, sikap mementingkan diri terbentuk secara tidak langsung. Jiran-jiran tidak mengenal antara satu sama lain. Mereka tinggal dalam perkampungan yang sama kerana tujuan menyara hidup.

Sistem 'sharing' juga dihapuskan kerana mereka tidak lagi bergantung kepada orang lain untuk hidup. Mereka mementingkan diri sendiri dan keluarganya. Gotong-royong hanya berlaku dalam penyediaan kenduri dalam majlis perkahwinan. Kalau seseorang ingin membina rumah, orang itu sahaja yang melakukannya.



Gambar 4.1 : Sifat 'sharing' telah pupus.  
Seorang sahaja yang melakukan pembinaan rumah.

Kepupusan sistem 'sharing' membawa kepada kepupusan sistem nilai yang mengutamakan 'solidarity' atau perpaduan. Nilai materialistik membawa kepada nilai mementingkan diri sendiri dalam dunia yang moden ini.

#### 4.3 PERUBAHAN SOSIAL

Setiap kelompok masyarakat sentiasa mengalami fenomena perubahan. Kejadian perubahan tersebut merangkumi berbagai aspek termasuk perubahan budaya, perubahan sosial dan perubahan teknologi. Ianya mempunyai sifat yang kekal dan wujud dalam kehidupan sosial manusia.

Proses perubahan berkait rapat dengan sistem nilai kerana ia memberi gambaran mengenai unsur-unsur baru di dalam persekitaran sosial. Sistem nilai diubahsuai dengan perubahan yang berlaku kerana tujuan menyesuaikan diri. Peniruan menjadi semakin penting berbanding dengan pengalaman individu dalam proses perubahan sosial.

Perubahan sosial merupakan hasil perhubungan antara perseorangan dan perkumpulan yang terus menerus. Alvin Boskoff menyatakan bahawa,

"social change refers to the intelligible process in which we can discover significant alterations in the structure and functioning of determinate social systems." (Ryan, 1969:3)

Boskoff cuba menjelaskan perubahan sosial sebagai proses yang dapat difahami kerana terdapat perubahan-perubahan yang jelas dalam sistem sosial. Dengan kata yang lain, perubahan sistem sosial disebabkan oleh perubahan sosial. Contohnya di kalangan masyarakat Semai yang dikaji, kepupusan sistem 'sharing' dan kehilangan imej Batin ialah tindakbalas kepada perubahan struktur sistem sosial. Proses tersebut berlaku berterusan dan secara beransur-ansur.

Sistem sosial berubah kerana sikap yang suka merujuk dan menyanjungi pihak lain dalam perhubungan sosial. Sikap dan perlakuan tersebut merupakan 'collective behavior'<sup>16</sup>  
<sup>16</sup> 'Collective behavior' ialah pola perlakuan sekumpulan masyarakat.

Proses perubahan berkait rapat dengan sistem nilai kerana ia memberi gambaran mengenai unsur-unsur baru di dalam persekitaran sosial. Sistem nilai diubahsuai dengan perubahan yang berlaku kerana tujuan menyesuaikan diri. Peniruan menjadi semakin penting berbanding dengan pengalaman individu dalam proses perubahan sosial.

Perubahan sosial merupakan hasil perhubungan antara perseorangan dan perkumpulan yang terus menerus. Alvin Boskoff menyatakan bahawa,

"social change refers to the intelligible process in which we can discover significant alterations in the structure and functioning of determinate social systems." (Ryan, 1969:3)

Boskoff cuba menjelaskan perubahan sosial sebagai proses yang dapat difahami kerana terdapat perubahan-perubahan yang jelas dalam sistem sosial. Dengan kata yang lain, perubahan sistem sosial disebabkan oleh perubahan sosial. Contohnya di kalangan masyarakat Semai yang dikaji, kepupusan sistem 'sharing' dan kehilangan imej Batin ialah tindakbalas kepada perubahan struktur sistem sosial. Proses tersebut berlaku berterusan dan secara beransur-ansur.

Sistem sosial berubah kerana sikap yang suka merujuk dan menyanjungi pihak lain dalam perhubungan sosial. Sikap dan perlakuan tersebut merupakan 'collective behavior'<sup>16</sup>

<sup>16</sup> "Collective behavior" ialah pola perlakuan sekumpulan masyarakat.

yang tidak ternyata. Umpamanya apabila seseorang menghadapi masalah yang agak serius yang memerlukan pertolongan dari pegawai kerajaan dan bukannya Batin. Pegawai kerajaan dipandang tinggi dan dianggap dapat memberi bantuan sebenar.

Penganalisaan perubahan sosial memerlukan peninjauan terhadap struktur sosial. Perubahan struktur sosial adalah hasil dari interaksi sosial (Firth, 1951:85). Proses perubahan sosial berlaku dan masyarakat itu sendiri ataupun dari kuasa luar, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman ialah penerima unsur-unsur pembaharuan manakala faktor luaran pula termasuk asimilasi<sup>17</sup> dan akulturas<sup>18</sup> yang berhubung dengan unsur-unsur budaya.

Sebab utama perubahan sosial di kalangan masyarakat Orang Asli adalah dari kelompok masyarakat itu sendiri. Pergaulan dan pertalian yang berterusan antara satu kumpulan masyarakat dengan masyarakat yang lain menghasilkan pergabungan unsur-unsur budaya. Pergaulan dengan masyarakat Melayu misalnya menyebabkan masyarakat Orang Asli menjadikan mereka sebagai model perubahan. Pengaruh yang jelas kelihatan semasa persandingan ialah pengantin memakai pakaian Melayu. Mereka dipengaruhi oleh unsur-unsur luaran dan kekurangan ketegasan kepada nilai sendiri menyebabkan mereka menerima unsur-unsur itu. Namun, mereka tidak boleh dipersalahkan kerana mereka dipengaruhi oleh kuasa luaran.

<sup>17</sup> Asimilasi adalah proses pergabungan seseorang atau kumpulan kedalam kumpulan masyarakat yang lain.

<sup>18</sup> Akulturas<sup>i</sup> ialah proses pengubahsuaian kebudayaan kerana saling tindak yang rapat dan berterusan melalui tempoh masa yang panjang.


Faktor luaran juga memainkan peranan penting dalam perubahan sosial masyarakat Orang Asli. Faktor luaran ini bidang yang lebih luas seperti kemudahan dan pendidikan.

Petempatan Orang Asli mula mendapat kemudahan-kemudahanumpamanya jalan, bekalan elektrik dan bekalan air. Kemudahan jalan di kawasan kajian iaitu, jalan yang hanya 1 km dari jalan besar memudahkan perhubungan antara masyarakat tempatan dengan masyarakat dari luar. Pendedahan ini sedikit sebanyak membawa perubahan kepada masyarakat tempatan. Mereka mula mengharapkan cara hidup yang lebih selesa dan senang. Keadaan tersebut dapat ditunjukkan dengan penggunaan alat-alat dapur yang sempurna seperti dapur gas dan sebagainya. Keseimbangan makanan turut diambil berat kerana mereka dapat membeli belah di pasar yang berdekatan di Brinchang.

Kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan bekalan elektrik mendorong taraf yang lebih baik bagi masyarakat. Bekalan elektrik membawa kepada pengaruh televisyen yang meluas. Nilai-nilai Barat atau bandar secara tidak langsung meresap ke dalam masyarakat melalui filem-filem tayangan gambar. Nilai-nilai tersebut ada kebaikannya tetapi jika menerimanya secara buta akan mengakibatkan kesan buruk, iaitu secara melampau.

Masyarakat biasanya tidak dapat mengelalkan nilai yang diperturunkan melalui interaksi antara berbagai kaum di negara ini. Unsur-unsur modenisasi yang mengubah sikap dan cara pemikiran menyerap ke dalam ciri-ciri sosial antara

satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Kemudahan berubah merupakan kelemahan manusia.



Gambar 4.2 : Penggunaan katil moden menunjukkan perubahan.

Pendidikan berperanan penting dalam membawa perubahan kepada masyarakat Orang Asli. Dengan adanya kemudahan pendidikan formal yang disediakan oleh pihak kerajaan, mereka didedahkan kepada nilai-nilai baru. Pendidikan dapat mengubah mental seseorang untuk berpandangan lebih luas dan melatih seseorang menerima sesuatu dengan kritis.

Memandangkan kepentingan pendidikan, pihak berkuasa mula menyediakan kemudahan-kemudahan selengkap-lengkapnya. Kemudahan ini dapat memberi galakan kepada masyarakat supaya mereka lebih bersedia untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Penerimaan pendidikan dapat menjamin masa depan masyarakat dan memberi kesedaran kepada generasi muda untuk

memajukan diri.

Pihak berkuasa juga mendirikan sekolah-sekolah di perkampungan pendalam untuk memastikan penerimaan pendidikan kepada setiap orang. Malahan peruntukan kepada bidang tersebut adalah paling banyak jika dibandingkan dengan peruntukan yang lain. Pada tahun 1990, bidang pendidikan telah diberi \$8,290,600 atau 29% yang merupakan peruntukan tertinggi. Ini memperlihatkan kepentingan pendidikan sebagai strategi pembangunan yang utama.

Jadual 4.2 Pembahagian Peruntukan Pada tahun 1990

Bahagian	Peruntukan (\$)
Bahagian Ekonomi dan Binaan	2,553,400
Bahagian Rancangan Pengumpulan Semula	1,362,700
Bahagian perhubungan dan Gerakan	5,069,500
Bahagian Kesihatan dan Perubatan	5,706,100
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	3,341,900
Bahagian Penyelidikan dan Perancangan	1,532,400
Bahagian Pendidikan	8,290,600
Bahagian Latihan	1,059,900
 Jumlah	28,916,500

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kuala Lumpur

Rangsangan menerima pendidikan datang dari pihak pegawai JHEOA juga. Pegawai-pegawai yang tinggal di perkampungan di kawasan kajian secara langsung memberi insentif kepada masyarakat di situ. Kedudukan dan keselesaan hidup pegawai-pegawai menjadi tarikan kepada masyarakat untuk mencapai taraf hidup yang sama. Mereka sedar bahawa faktor utama ke arah kesejahteraan hidup ialah melalui

pelajaran. Pendidikan membolehkan seseorang mengalami mobiliti tegak. Pendidikan bagi senjata yang membolehkan seseorang menempuh sebarang persaingan dan cabaran dengan masyarakat keturunan lain.

Dalam proses perubahan sosial, agen perubahan yang paling bertanggungjawab ialah pihak kerajaan. Pihak kerajaan membentuk corak interaksi dan menyediakan segala keperluan kepada masyarakat. Dasar pemerintahan negara ini ialah integrasi antara kaum. Masyarakat Orang Asli sebagai salah satu kelompok masyarakat yang minoriti juga mendapat perhatian dari kerajaan dalam pembangunan. Segala rancangan pembangunan adalah dilakukan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang dibentuk khas.

#### 4.3.1. PERANAN JABATAN HAL EHVAL ORANG ASLI (JHEOA)

JHEOA merupakan badan induk dalam pembangunan masyarakat Orang Asli. Matlamat utama penubuhan JHEOA pada awal tahun 1950 ialah mengawal masyarakat Orang Asli daripada terlibat dengan pengganas-pengganas komunis semasa darurat. Pada tahun 1954, 'Aboriginal Peoples Act' telah diadakan bagi melindungi masyarakat Orang Asli. Selepas itu, JHEOA disusun semula pentadbirannya dari tujuan keselamatan kepada pembangunan sosio-ekonomi pada tahun 1963.

Objektif utama organisasi ialah menyatupadukan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat lain dan memberi jaminan kepada mereka untuk bebas dari anasir-anasir buruk terutama yang anti nasional. Di bawah JHEOA terdapat lapan

bahagian untuk menyelaraskan berbagai rancangan supaya masyarakat Orang Asli menerima bantuan sepenuhnya. Lapan bahagian tersebut adalah Bahagian Ekonomi dan Binaan, Bahagian Rancangan Pengumpulan Semula, Bahagian Perhubungan dan Gerakan, Bahagian Kesihatan dan Perubatan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Bahagian Pendidikan dan Bahagian Latihan. Kesemua bahagian-bahagian ini berperanan mempermodenkan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli agar mereka sesuai dengan keperluan zaman. Kelapan-lapan bahagian yang disebutkan itu berkait rapat di antara satu sama lain dan mereka bergerak bersama-sama. Namun, mereka mempunyai kepentingan yang berlainan yang dapat ditunjukkan melalui pembahagian wang yang berlainan. Peruntukan yang tinggi mencerminkan kepentingannya dan sebaliknya. (Sila rujuk Jadual 4.2)

JHEOA sebagai agensi kerajaan menerima sumbangan kewangan dari pihak kerajaan melalui rancangan-rancangan lima tahun Malaysia. Masyarakat Orang Asli tidak diabaikan. Dari Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Kelima, kerajaan telah memberi bahagian tertentu kepada JHEOA untuk menjayakan rancangan-rancangan pembangunan.

Jadual 4.3 menunjukkan peruntukan kerajaan kepada JHEOA atau secara langsung kepada masyarakat Orang Asli. Sumbangan kerajaan semakin meningkat setiap lima tahun. Kadar tambahan adalah kira-kira 90%. Peningkatan yang paling nyata ialah dalam RM 3 ke RM 4 yang melibatkan penambahan

lebih daripada 100%. Peningkatan peruntukan mencerminkan usaha kerajaan yang giat untuk memajukan masyarakat Orang Asli.

Jadual 4.3-i Peruntukan Kerajaan Kepada JHEOA.

Rancangan Malaysia(RM) (Tahun)	Peruntukan (Juta)
RM 1 (1966 - 70)	\$ 4.9
RM 2 (1971 - 75)	\$ 7.38
RM 3 (1976 - 80)	\$ 22
RM 4 (1981 - 85)	\$ 40.1
RM 5 (1986 - 90)	\$ 60.65

Sumber : Laporan-laporan Rancangan Malaysia,  
Penerbitan Kerajaan, Kuala Lumpur.

Di dalam RM 6 baru-baru ini (1991), masyarakat Orang Asli di kategorikan ke dalam golongan termiskin yang akan mendapat sumbangan khas dalam 'Program Pembangunan Bagi Golongan Termiskin'. Program tersebut menekankan keperluan makanan kepada kanak-kanak yang kekurangan zat. Oleh itu, iaanya mengutamakan pembekalan makanan seimbang kepada mereka yang terlibat. Kerajaan telah menyediakan \$600 juta dalam program berkenaan.

Secara keseluruhannya, perubahan sosial masyarakat Orang Asli adalah disebabkan oleh usaha-usaha kerajaan. Pihak kerajaan yang bertujuan memajukan semua lapisan masyarakat perlu juga mengambil berat tentang masyarakat yang sekian lama diabaikan ini.

#### 4.4 Kesimpulan

Masyarakat Orang Asli khasnya golongan dari kawasan kajian telah mengalami perubahan sosial yang meruntuhkan sistem nilai mereka. Sistem nilai yang terpengaruh ditunjukkan melalui imej Batin yang semakin luntur dan sistem 'sharing' yang tidak diamalkan lagi. Kepupusan kedua-dua nilai yang istimewa ini secara langsung menimbulkan tanda tanya kepada identiti mereka.

Keadaan tersebut adalah berdasarkan perubahan sosial yang sengaja dilakukan atau kesan-kesan sampingan daripada rancangan pembangunan. Masyarakat menghadapi kejutan budaya (cultural shock) ketika mereka terdedah kepada unsur-unsur yang baru. Keadaan yang dikatakan 'cemas' dalam perubahan ini telah mengakibatkan penerimaan unsur-unsur asing tanpa tapisan. Kekurangan keupayaan mental dalam hal yang baru turut membawa kepada tindakbalas yang melampau kepada anasir-anasir tersebut. Dengan itu, masyarakat di kawasan kajian akan mengalami perubahan yang semakin dalam.